

Pakatan: 100,000 akan berkumpul di mahkamah, lebih banyak perhimpunan akan menyusul
The Malaysian Insider
03 Januari , 2012
By Shannon Teoh

PETALING JAYA, 3 Jan — Pakatan Rakyat hari ini berkata akan mengumpulkan seramai 100,00 orang pada Isnin depan untuk memberikan sokongan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang akan mengumumkan keputusan salah laku liwat.

Timbalan Presiden PKR Azmin Ali (gambar) berkata pakatan pembangkang bersetuju untuk menggerakkan dan berkumpul di Kompleks Mahkamah Jalan Duta walaupun polis telah mengeluarkan arahan keras untuk tidak mengadakan perhimpunan semasa keputusan diumumkan yang telah mengambil masa dua tahun.

“Sistem kita begitu rapuh, kita perlu menjangka senario terburuk. Bersama PAS dan DAP kami akan mengumpul 100,000 orang di mahkamah untuk memberikan sokongan kami kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim,” kata Ahli Parlimen Gombak ini.

Beliau juga mengingatkan perhimpunan awam akan diteruskan sehingga pilihan raya umum jika bekas timbalan perdana menteri itu didapati bersalah.

“Kami akan teruskan. Perhimpunan sama akan diadakan di Pulau Pinang pada sebelah malam. Jika beliau dibebaskan maka Anwar akan diraikan di negerinya. Jika tidak kami akan ke Pulau Pinang untuk menuntut tuntutan kami,” katanya.

Pesuruhjaya PAS Selangor Dr Rani Osman juga berkata parti Islam itu akan menyeru setiap kawasan untuk menggerakkan dan “walaupun mereka di Sabah dan Sarawak mahu menyertainya.”

Anwar dituduh terlibat bekas pembantunya, dakwaan yang mana beliau telah menafikan sekeras-kerasnya, selain mengatakan ia adalah agenda untuk memusnahkan karier politiknya.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah mendengar hujah penutup dari 8 Disember hingga 15 Disember dan akan mengumumkan keputusan pada Isnin ini.

Harapan ketua pembangkang itu untuk bergelar perdana menteri mungkin akan musnah sekiranya mahkamah memutuskan beliau bersalah yang akan membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun.

Azmin menyifatkan tuduhan liwat itu sebagai “konspirasi berbahaya” namun menegaskan hari ini “rancangan Pakatan Rakyat tidak akan tergelincir dan akan dipilih menerajui kerajaan pusat selepas ini.”

Anwar sebelum ini dijatuhkan hukuman penjara sembilan tahun pada 2000 tetapi Mahkamah Persekutuan mengubah keputusan pada 2004 dan membenarkan beliau

mengetuai kempen pilihan raya 2008.

Pada pilihan raya itu pakatan pembangkang menafikan kemenangan dua pertiga Barisan Nasional (BN) di Parlimen dan menawan lima negeri.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-100000-akan-berkumpul-di-mahkamah-lebih-banyak-perhimpunan-akan-menyusul/>